

NO. SOALAN : 119

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN
IDRIS
(JERANTUT)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha dan langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian agar insiden kapal KD Perdana yang terkandas di Laut China Selatan tidak lagi berlaku kerana ini melibatkan nyawa anggota keselamatan yang bertugas.

JAWAPAN:

Tiada insiden direkodkan berhubung dengan kapal KD PERDANA terkandas di Laut China Selatan dan ia hanya melibatkan sebuah bot yang diturunkan dari KD PERDANA yang hilang dan putus hubungan selama 29 jam semasa bot berkenaan terlibat dalam operasi mengusir bot nelayan asing Vietnam di perairan Tanjung Sedili Besar.

TLDM sentiasa mengambil pendekatan yang berkesan di dalam usaha untuk mencegah dan meningkatkan tahap keselamatan yang tinggi dalam setiap aspek. TLDM juga sentiasa memastikan keupayaan dan kesiagaan pada tahap yang optimum dalam mewujudkan persekitaran yang selamat serta membentuk setiap individu yang proaktif dengan penerapan latihan yang berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

SOALAN : 120

Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kos yang digunakan untuk menggantikan cermin kereta api Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang pecah pada tahun 2016 akibat vandalism dan apakah langkah-langkah yang dilakukan bagi memastikan vandalism ini dihalang.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos yang telah dibelanjakan oleh KTMB untuk menggantikan cermin kereta api yang pecah pada tahun 2016 akibat perbuatan vandalisme adalah sebanyak RM0.91 juta.

Bagi memastikan perbuatan vandalisme ini dihalang daripada berulang, KTMB telah mengambil tindakan-tindakan sewajarnya seperti:

- a) Melaksanakan kawalan keselamatan oleh anggota polis bantuan dengan:
 - i) Mewujudkan pondok kawalan keselamatan di kawasan yang sering berlaku kejadian vandalisme (*hot spot*) di mana kawalan keselamatan dibuat sepanjang tempoh 24 jam oleh anggota polis bantuan;
 - ii) Meningkatkan kekerapan rondaan cegah jenayah di sepanjang landasan terutama sekali di kawasan yang sering berlaku kejadian vandalisme;
 - iii) Mengadakan operasi khas dengan melakukan intipan bagi mengesan dan menangkap individu yang melakukan perbuatan vandalism ini.
- b) Mengadakan taklimat dan kempen keselamatan dan kesedaran kepada pelajar sekolah dan penduduk setempat serta melalui media masa.
- c) Meletakkan notis di stesen dan depoh sebagai peringatan kepada orang awam berhubung kesalahan perbuatan vandalism yang boleh memberi kesan kepada kerosakan harta benda awam.

- d) Melaksanakan penguatkuasaan bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) bagi kesalahan perbuatan vandalisme yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 132 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.